
**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT.,PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Zainal Abidin bin Hussin, DPMT.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim

WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara pertama dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Perutusan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Menjunjung Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu disebabkan oleh situasi Wabak COVID-19 yang melanda di negeri kita khususnya dan amnya di seluruh negara, serta Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020, maka menurut Perkara 37, Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memperkenankan Perutusan Titah Ucapan Baginda diedarkan ke Dewan Undangan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Bentara edarkan Perutusan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

PERUTUSAN
TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN TERENGGANU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
نَسْتَعِينُ وَبِهِ الْعَالَمِينَ رَبِّ لَلْحَمْدُ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu,
Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmatNya dapat Beta dan Sultanah hadir untuk menyempurnakan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Keempat Belas pada pagi yang mulia ini.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ dan sekalian ahli keluarga, para sahabat serta seluruh umat Baginda.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadar Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kehendak dan izinNya jua, Beta dianugerahkan kesihatan yang berterusan untuk melaksanakan amanah bagi menaungi dan memayungi Negeri tercinta ini. Beta juga menzahirkan kesyukuran kerana seluruh rakyat Negeri ini dapat menikmati keharmonian, keselamatan dan keamanan secara berterusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sesebuah kerajaan memerlukan kepimpinan yang utuh, untuk kestabilan pemerintahan dan bekerja untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Beta berkenan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri pada hari ini kerajaan penjajaran haluan yang sama dengan Kerajaan di peringkat Nasional. Beta berharap agenda kebersamaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari semua pihak di dalam Dewan ini dapat terus diperkukuhkan untuk manfaat rakyat dan negeri seluruhnya.

Beta berharap dengan pembentukan Kerajaan baharu di peringkat Nasional akan membuka ruang kerjasama yang lebih luas antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan demi kepentingan Negeri dan rakyat. Hormatilah prinsip Demokrasi Raja Berperlembagaan yang menjadi asas pembentukan Malaysia.

Perlembagaan Malaysia dan Institusi Beraja mesti dijadikan tunjang pegangan, dalam menangani setiap isu yang berlaku. Ketepikanlah budaya ketaksuban melampau dan kejumudan terhadap pemimpin dan parti politik sehingga menutup kebenaran. Asas ini amat penting untuk dipegang, agar perkara yang sama tidak berulang di Negeri Beta yang tercinta ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pertumbuhan ekonomi nasional pada tahun 2018 adalah sebanyak 4.7%, yang terkesan daripada kelembapan ekonomi di peringkat global. Keadaan ini secara langsung memberi kesan terhadap ekonomi Negeri Terengganu. Pada tahun 2018, Negeri Terengganu telah mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 2.5%, berbanding 5.9% pada tahun 2017 dan 3.1% pada tahun 2016. Keadaan ini jelas menunjukkan ketidakstabilan pertumbuhan ekonomi Negeri. Petunjuk ekonomi ini perlu dilihat secara serius, kerana ini adalah parameter utama bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain parameter-parameter lain seperti keselamatan, keamanan, kesihatan fizikal dan mental serta kehidupan beragama.

Penurunan pertumbuhan KDNK Negeri pada tahun 2018 adalah didorong oleh kemerosotan dalam sektor pertanian dan pembinaan, yang masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 2.5% dan 9.2%. Walau bagaimanapun, sektor pembuatan dan perkhidmatan masih kekal menjadi pemacu pertumbuhan dengan peningkatan dalam subsektor produk petroleum, kimia, getah, plastik, perdagangan borong dan runcit; utiliti, pengangkutan dan penyimpanan; maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan kerajaan.

Dalam hal ini, Beta menyeru supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius dalam usaha membangunkan sektor pertanian. Ramai rakyat Beta khususnya golongan B40 berada di dalam sektor ini dan mereka ini adalah golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, adalah sangat wajar sektor ini diberi ruang yang lebih besar untuk berkembang. Ini adalah kerana sektor pertanian menjanjikan pulangan ekonomi yang tinggi jika dilaksanakan dengan kaedah yang tepat. Kemudahan infrastruktur pertanian, pengukuhan rantaian nilai antara sektor, aspek pemasaran dan sebagainya perlu diberi perhatian serius. Pemulihan tanah-tanah terbiar perlu diambil tindakan segera.

Sektor pertanian perlu ditransformasikan segera supaya sektor ini tidak dilihat sebagai sektor tradisi, yang menjadi petunjuk kepada isu-isu kemiskinan, taraf hidup yang rendah dan sebagainya.

Beta telah dimaklumkan bahawa sektor pertanian merupakan salah satu teras dalam Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030. Beta ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri, yang telah melancarkan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019 hingga 2023 pada tahun lepas. Beta berpuashati dengan visi Pelan Strategik ini, untuk menjadikan Terengganu sebagai pengeluar makanan utama negara, dengan terlebih dahulu mencapai tahap kemampuan diri. Tumpuan kepada pengeluaran makanan bagi mencapai matlamat jaminan kualiti makanan, adalah bertepatan dan selaras dengan usaha di peringkat nasional.

Oleh itu, Beta mencadangkan agar Tahun 2021 diisytiharkan sebagai TAHUN PERTANIAN NEGERI. Tumpuan usaha dan peruntukan kewangan hendaklah diberikan, bagi memastikan usaha meningkatkan keupayaan sektor ini dapat dicapai pada Tahun 2021. Dalam usaha ini, beberapa perkara penting perlu diberikan penekanan. Kerajaan Negeri perlu membuat kajian bagi mengenalpasti punca yang menjadi kelemahan dalam pembangunan sektor ini. Peranan GLC perlu digerakkan dalam membangunkan usahawan tani, serta menyediakan perkhidmatan pertanian. Beta dimaklumkan, peruntukan di dalam sektor ini pada tahun 2020 telah ditambah lebih 155 peratus, berbanding tahun 2019 iaitu pertambahan dari RM2.6 juta kepada RM6.65 juta. Namun demikian, angka-angka ini perlu dilihat semula berdasarkan kepada permasalahan dan jumlah rakyat yang berada dalam sektor ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam pembukaan kawasan perindustrian baharu seperti Wakaf Tapai Innovation Park di Marang. Ia dilihat akan berfungsi sebagai kawasan industri bersepadu untuk aktiviti berasaskan perkayuan. Pembukaan kawasan perindustrian ini berupaya menarik kemasukan pelaburan baharu ke Negeri Terengganu.

Beta sedar bahawa usaha untuk menarik kemasukan pelaburan asing amat sukar. Lebih-lebih lagi dalam situasi kelembapan ekonomi global dan wabak penyakit Covid-19 yang menyerang seluruh dunia. Beta dimaklumkan bahawa berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Negeri Terengganu telah menerima jumlah pelaburan langsung asing yang sederhana bagi tahun 2019. Industri berasaskan sumber yang merangkumi minyak dan gas, perkayuan, minyak sawit dan getah telah memberi sumbangan yang signifikan kepada pelaburan di Terengganu. Selari dengan perkembangan ini,

Beta merasakan gerak kerja yang lebih agresif perlu dilakukan oleh Invest Terengganu, bersama dengan agensi Persekutuan bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta dan seterusnya menjadikan Negeri Terengganu sebagai destinasi pelaburan yang interaktif dan kondusif.

Beta juga dimaklumkan, pihak kerajaan Negeri dan PLANMalaysia sedang dalam proses penyediaan Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050. Dokumen perancangan ini tersedia dengan dasar dan cadangan strategik yang disokong dengan 37 cadangan projek berimpak tinggi.

Perancangan ini akan menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Harapan Beta, tindakan awal bagi pelaksanaan projek-projek ini dapat diambil dengan segera, memandangkan ianya bakal memberi kesan langsung kepada keusahawanan dan peluang pekerjaan di negeri ini. Beta yakin, dengan adanya dokumen perancangan spatial ini, visi untuk mencapai Terengganu Sejahtera 2050 akan tercapai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta dimaklumkan secara keseluruhannya, pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM2.135 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM342.73 juta berbanding kutipan tahun 2018. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh pertambahan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM378.51 juta. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan kutipan Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai tahun 2019 berbanding tahun 2018, Hasil Cukai adalah menurun sebanyak RM4.16 juta kepada RM73.83 juta. Manakala Hasil Bukan Cukai pula menurun sebanyak RM31.62 juta kepada RM173.67 juta. Beta harap dengan kebijaksanaan Memanda Beta, Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, dan jentera Pentadbiran Awam yang ada, dapat meningkatkan lagi usaha supaya kutipan Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai dapat dipertingkatkan lagi pada tahun yang akan datang.

Beta juga telah meneliti Belanjawan Negeri Terengganu Tahun 2020, yang telah dibentangkan pada 24 November 2019 yang lalu, bertemakan "Membina Generasi Terengganu Sejahtera". Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1.832 bilion bagi perbelanjaan mengurus berbanding anggaran hasil yang akan diperolehi sebanyak RM1.666 bilion. Bagi perbelanjaan mengurus, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1.832 bilion dan perbelanjaan

pembangunan sebanyak RM700 juta manakala peruntukan sebanyak RM1.63 juta bagi Kumpulan Wang Bekalan Air.

Beta berharap dalam Belanjawan tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan Negeri memberikan fokus kepada perbelanjaan untuk mengupayakan pertumbuhan ekonomi negeri dalam jangka masa panjang. Projek-projek pembangunan perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan kestabilan pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan-perbelanjaan secara "one off" perlu diteliti semula berdasarkan kedudukan dan komitmen Kewangan semasa Kerajaan Negeri. Langkah ini akan membantu dalam mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Beta juga berasa sukacita dan bersyukur apabila jumlah kutipan zakat sentiasa meningkat setiap tahun. Pada tahun 2019, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM178.08 juta berbanding RM160.37 juta pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak RM17.71 juta. Beta mengucapkan syabas dan tahniah terutamanya kepada Kerajaan Negeri dan warga kerja MAIDAM kerana telah melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan jayanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta dimaklumkan bahawa jambatan ikonik 'Terengganu Drawbridge' telah dibuka kepada orang awam sejak Jun 2019. Ianya menjadi produk pelancongan kebanggaan Negeri Terengganu.

Jambatan ini telah menjadi tumpuan orang ramai khususnya pelancong dari dalam mahupun luar negara. Jambatan ini bersambung dengan Corniche Road Pakej 1 sepanjang 3.8 km yang telah siap pada April 2019 dan Pakej 2 yang dijangka akan dibina pada tahun 2021 akan melengkapkan keseluruhan jajaran jalan eksekutif yang menghubungkan Bandaraya Kuala Terengganu ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Pembangunan di Muara Utara dan Muara Selatan berupaya menjadi pusat pertumbuhan baharu di Bandaraya Kuala Terengganu. Namun demikian, Beta berpendapat kawalan pembangunan perlu dilaksanakan dengan mengambilkira elemen untuk menterjemahkan tema "Bandaraya Warisan Pesisir Air" dan kewujudan drawbridge sebagai titik fokus pembangunan sekitarnya.

Beta juga berharap isu hakisan pantai dan muara sungai yang cetek diberi perhatian yang serius untuk diselesaikan. Beta melihat isu ini telah menjadi begitu serius ketika musim tengkujuh pada akhir tahun 2019. Beberapa pantai telah terkesan teruk seperti yang berlaku di Pantai Mengabang Telipot, Pantai Seberang Takir, Pantai Teluk Lipat, dan Pantai Geliga. Begitu juga dengan isu kecetekan muara sungai yang menyukarkan bot-bot untuk keluar masuk, terutamanya para nelayan sebagaimana yang berlaku di Muara Sungai Merang, Muara Sungai Merchang, Muara Sungai Dungun dan Muara Sungai Kertih. Beta berharap Kerajaan Negeri menggunakan sepenuhnya ruang yang ada, melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, khusus untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dinyatakan tadi.

Beta juga berasa sukacita, apabila dimaklumkan bahawa Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) diteruskan semula pelaksanaannya, walaupun terdapat beberapa perubahan dari segi jajaran asal dan bilangan stesen yang dikurangkan. Beta berharap Kerajaan Negeri dapat memulakan perancangan bagi memaksimumkan kewujudan ECRL ini, dalam usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui pembangunan-pembangunan hab logistik, pembangunan kawasan perindustrian baharu dan pembangunan secara Transit Oriented Development.

Beta menyeru supaya Kerajaan Negeri melihat secara serius bagi menambah nilai potensi Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Beta berpendapat Lapangan Terbang ini berupaya menjadi hab kargo bagi pasaran Asia Pasifik, berikutan kedudukan Terengganu yang strategik bagi pasaran rantau ini. Hab Kargo ini berupaya meningkatkan hubungan pasaran bagi produk-produk keluaran rakyat Terengganu ke pasaran global. Lapangan Terbang ini juga boleh dibangunkan dengan pelbagai aktiviti ekonomi yang berasaskan aktiviti penerbangan yang lain.

Beta dimaklumkan pada Ogos 2019, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Baharu Perumahan Negeri Terengganu yang terbahagi kepada dua komponen, iaitu Pembangunan Perumahan Bercampur Melalui Penswastaan, dan Pembangunan Rumah Mampu Milik Jenis A, yang dilihat sebagai dasar yang lebih mesra pelabur. Beta turut memuji inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri, dalam melaksanakan Dasar Perumahan Patuh Syariah. Beta berharap dengan pengenalan dasar baharu ini akan dapat menarik lebih banyak penyertaan swasta dalam projek pembinaan Rumah Mampu Milik, bagi

menyelesaikan isu keperluan rakyat khususnya golongan B40 di Negeri Terengganu.

Beta juga ingin merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan infrastruktur di Negeri Terengganu. Perkara ini diterjemahkan melalui Pelaksanaan Program dan Projek Pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah Rolling Plan 4 Tahun 2020. Sebanyak 281 projek telah dirancang dengan aliran tunai sebanyak RM1.131 bilion telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Beta berharap semua pihak yang berkaitan, terutamanya agensi pengguna dan pelaksana dapat memastikan kelancaran pelaksanaan semua projek ini. Ia perlu berjalan mengikut jadual, siap dengan sempurna dan mencapai matlamatnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta mendapat maklum Kerajaan Negeri dalam usaha mewujudkan Enakmen Sumber Air, yang pastinya berupaya memberikan impak positif kepada Kerajaan Negeri dan rakyat sebagai pengguna. Enakmen ini diharap akan turut menggalakkan pembangunan ekonomi yang berasaskan pematuhan terhadap kepentingan menjaga sumber air. Selain itu, ia juga dapat menggalakkan pengusaha industri untuk melaksanakan amalan-amalan efisien dengan menawarkan caj sumber air yang lebih rendah.

Beta melihat teknologi digital telah banyak mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan termasuk perniagaan, pendidikan pertanian, komunikasi, penyampaian perkhidmatan dan sebagainya.

Revolusi Industri 4.0 merupakan revolusi digital yang menggabungkan proses dan teknologi pembuatan tradisional seperti Internet of Things (IoT), bagi meningkatkan automasi, komunikasi serta penggunaan data masa nyata. Menyedari akan kepentingan teknologi digital ini, Beta dimaklumkan satu Pelan Induk Pendigitalan Negeri Terengganu akan dirangka dan diyakini akan dapat meningkatkan lagi produktiviti, penyampaian maklumat, disamping memberikan impak yang tinggi kepada ekonomi, sosial dan teknologi di Negeri Terengganu.

Dalam usaha meningkatkan ekonomi negeri, Beta merasakan Kerajaan Negeri perlu meneroka sumber hasil baharu berlandaskan ekonomi digital. Beta yakin pendekatan kepada ekonomi digital melalui peruntukan sebanyak RM1.9 juta dalam Belanjawan Tahun 2020, sememangnya merupakan satu langkah awal bagi memangkin penglibatan rakyat Negeri ini dalam bidang keusahawanan

digital. Inisiatif digital yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri, seperti pelaksanaan e-Pembayaran menggunakan nama "Terengganu Pay" dan "Terengganu Digital e-Wallet" adalah selaras dengan keperluan perniagaan semasa. Pada masa yang sama, inisiatif ini juga dapat menggalakkan penyertaan usahawan digital dan rakyat supaya terlibat secara langsung dengan ekosistem ekonomi dalam talian.

Beta dimaklumkan TD 1303 yang telah beroperasi pada April 2018 telah menjadi platform kepada usahawan-usahawan digital. Program-program latihan keusahawanan digital, kegiatan perniagaan dalam talian dan pembangunan usahawan permulaan sedang berjalan lancar.

Beta juga dimaklumkan setakat ini seramai 4 orang usahawan permulaan telah berjaya dilahirkan daripada TD 1303. Melalui keempat-empat syarikat ini, sebanyak 562 peluang pekerjaan telah diwujudkan sama ada secara tetap dan sambilan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta berharap, Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada usaha menjenamakan Negeri Terengganu, sebagai destinasi eko-pelancongan yang kompetitif di rantau ini. Dalam usaha ini, tumpuan harus diberikan kepada pembangunan variasi produk pelancongan di tanah besar. Dengan mengambilkira keunikan produk-produk pelancongan dan potensi pembangunan di Muara Sungai Terengganu, Beta berpendapat aktiviti pendaratan kapal persiaran mewah sangat berpotensi digerakkan di Terengganu, dengan menampilkan akhlak dan tatasusila tempatan sepanjang tempoh kedatangan pelancong dari luar ini.

Beta memuji keprihatinan Kerajaan Negeri, dengan komitmen dan kerjasama agensi-agensi, serta komuniti setempat sebagai pemegang taruh utama terhadap penjagaan alam semulajadi. Ini khususnya melibatkan perlindungan dan pemeliharaan biodiversiti di dalam kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai Taman Negeri. Usaha ini amat penting bagi menjamin kelangsungan pengurusan dan pembangunan secara lestari.

Sehingga kini, Beta dimaklumkan bahawa dua buah Taman Negeri, iaitu Taman Negeri Setiu Wetlands dan Taman Negeri Kenyir telahpun diwarta dan diuruskan oleh Majlis Pengurusan Taman Negeri.

Kawasan tersebut berpotensi sebagai destinasi eko-pelancongan yang boleh menyumbang kepada ekonomi negeri, di samping dapat meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat. Beta mengambil maklum akan fungsi dan peranan pewartaan sebagai Taman Negeri tidaklah terhad kepada kawasan daratan sahaja, malahan pada tahun 2020 ianya akan diperluaskan ke kawasan marin di mana tumpuan awal adalah di kawasan Pulau Tenggol dan Pulau Nyirih yang terletak dalam Daerah Dungun.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kerajaan Negeri hendaklah memberi perhatian serius kepada pembangunan sumber manusia, bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, mempunyai nilai-nilai murni, berakhlak mulia dan berdaya saing. Beta dimaklumkan bahawa, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Pusat Tafaqquh Fiddin Tok Syeikh Duyong untuk mengetengahkan konsep pengajaran secara talaqqi kitab turath dan pengajian tradisional serta pengajian untuk warga emas. Beta berharap penubuhan pusat ini akan melahirkan insan Terengganu yang tinggi akhlaknya.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berjaya mengekalkan kecemerlangan pendidikan Negeri Terengganu. Keupayaan dan kejayaan anak-anak Terengganu dalam peperiksaan utama awam amat membanggakan. Tahniah diucapkan kerana sokongan dan bantuan kewangan Kerajaan Negeri melalui Program Pendidikan Anjung Ilmu.

Namun demikian, keadaan ekonomi pada ketika ini, telah membataskan kemampuan negeri untuk menyerap bakat dan kemampuan yang dimiliki. Oleh itu, usaha berterusan perlu diambil bagi mengekalkan kejayaan dan melahirkan bakat yang akan menjana pembangunan negeri pada masa akan datang. Sebagai permulaan, Beta menyarankan agar Terengganu Human Resource Development Centre (T-HRDC) yang telah ditubuhkan, dapat memainkan peranan dalam menyediakan maklumat dan pengkalan data sumber manusia yang dimiliki oleh Negeri Terengganu.

Dalam bidang sukan, kecemerlangan Terengganu tidak boleh dipertikaikan lagi. Beta merasa cukup bangga apabila pasukan Terengganu Inc TSG Team telah dinobatkan sebagai pasukan benua terbaik dunia dan pasukan terbaik seluruh Asia pada tahun 2019. Lebih membanggakan lagi, pada edisi Le Tour De Langkawi 2020, pelumba tempatan pasukan TSG telah mencipta sejarah apabila menjadi pelumba Asia pertama yang menjuarai dua peringkat LTDL.

Pembangunan sukan dilihat mula membuahkan hasil, apabila atlet-atlet Terengganu mula mendominasi kontinjen negara di dalam kebanyakan temasya sukan antarabangsa. Beta berharap pada tahun 2020, atlet Terengganu akan dapat menempa lebih banyak kejayaan, terutamanya dalam Sukan Olimpik Tokyo dan misi mempertahankan Kejuaraan Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 yang akan diadakan di Johor.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta dimaklumkan bahawa, pada tahun 2019 Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS) telah diperkasakan. Setakat ini ia telah membantu seramai 448 usahawan tempatan dalam memajukan perniagaan mereka.

Beta difahamkan bahawa, TUGAS ditambahbaik dengan pendekatan secara menyeluruh bagi memastikan setiap golongan sasaran mendapat manfaat. Pelbagai program yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri, telah menunjukkan perkembangan yang positif. Antara pencapaian yang boleh dibanggakan pada tahun 2019 adalah, sebanyak 25 produk IKS telah memasuki pasaran Arab Saudi dan juga produk keropok keping Terengganu telah berada dalam pesawat Air Asia bagi penerbangan antarabangsa. Beta berharap tahun 2020 ini, lebih ramai usahawan tempatan mengambil peluang, berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti produk, serta menerokai pasaran yang terbuka luas dan tidak gentar untuk bersaing dengan produk lain yang bertaraf nasional dan antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta berpandangan, program pembangunan ekonomi desa yang memberi fokus kepada usahawan bumiputera luar bandar masih perlu dilaksanakan, bagi menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi. Beta memuji inisiatif yang telah dilaksanakan, seperti Program Sahabat Usahawan dan Program Usahawan Graduan Terengganu Sejahtera dan berharap agensi yang terlibat boleh menambahbaik dan memberi pilihan model perniagaan yang lebih sesuai kepada usahawan-usahawan desa dan luar bandar.

Beta sedar pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi rakyat Beta. Namun, Beta yakin masih terdapat rakyat Beta yang mengalami kesempitan hidup, sama ada ditimpa musibah atau tidak berupaya yang perlu dibantu.

Alhamdulillah, di Negeri Beta terdapat Tabung Darul Iman yang telah memberi manfaat kepada lebih 35,000 orang semenjak ianya ditubuhkan. Walaupun Beta difahamkan Tabung ini menerima suntikan dana daripada Kerajaan Negeri, Beta juga ingin rakyat Beta yang berkemampuan, terutamanya melalui syarikat-syarikat swasta supaya sama-sama menyumbang bagi memastikan kelangsungan kemudahan bantuan ini untuk kegunaan rakyat yang memerlukan. Sesungguhnya, bersedekah yang meringankan beban orang lain adalah sebaik-baik sedekah dan besar ganjarannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta juga menyambut baik, cadangan penubuhan Raudhatul Jannah sebagai rumah perlindungan sementara bagi kemudahan mangsa-mangsa penderaan dan pengabaian, terutamanya wanita dan kanak-kanak. Dengan adanya rumah perlindungan yang bersifat transit ini, Beta berharap golongan ini dapat terhindar daripada terus hanyut dengan gejala yang tidak baik. Beta juga difahamkan Kerajaan Negeri sedang bergerak ke arah mewujudkan sebuah Pusat Terapi Kanak-Kanak Autisme, bagi membantu para ibu bapa mendapat sokongan dan dorongan serta kemahiran dalam berinteraksi dengan anak-anak autisme ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Beta memuji usaha Institusi Fatwa Negeri Terengganu, yang telah menyediakan pelbagai ruang bagi membolehkan masyarakat berinteraksi secara langsung dengan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Mufti Negeri, seperti mengadakan Program Ziarah Al-Qaryah, Program Mufti Jenguk Masyarakat, Diskusi Fatwa dan Klinik Hukum yang dilihat telah memberi impak dan kesan yang besar kepada masyarakat, tanpa melibatkan kos yang tinggi. Justeru, Beta berharap Jabatan Mufti Negeri Terengganu akan lebih berusaha semaksimum mungkin, dalam memberi penerangan hukum syarak kepada masyarakat, agar sesuatu fatwa yang dikeluarkan benar-benar difahami, dihormati dan dipatuhi.

Beta berharap Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Memanda Beta, Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar akan terus komited, berusaha memartabatkan lagi Agama Islam dan umat Islam di negeri ini. Usaha ini perlu dilakukan menerusi gerak kerja profesional yang berupaya menangkis sebarang fitnah dan tuduhan jahat sekali gus membuktikan kemampuan sebenar sistem Islam sebagai Ad-Din.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Adalah menjadi tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memimpin dan membimbing rakyat, agar sama-sama bersedia bergerak seiring membina sebuah negeri yang Maju, Berkat dan Sejahtera. Oleh yang demikian, sepanjang sidang ini berlangsung, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan intelektual atas perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama.

Beta juga menyarankan agar sentiasa mengangkat martabat Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri ke tahap tertinggi, mengatasi segala kepentingan peribadi dan politik masing-masing.

Beta yakin negeri dan rakyat akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup, sekiranya sikap hormat-menghormati dan mematuhi undang-undang dijadikan dasar utama.

Akhirnya, Beta berharap Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, serta dengan kerjasama padu daripada jentera pentadbiran awam, akan mendapat petunjuk dan bimbingan Ilahi bagi menyempurnakan tanggungjawab dan amanah, secara adil lagi saksama, jujur lagi ikhlas, amanah lagi berintegriti.

Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan lafaz suci بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Beta dengan sukacitanya merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Keempat Belas, Tahun 2020.

Selamat Bersidang.

Sekian.

وابيلحي توفيق والهداية
وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

*[Bentara dan Penolong Bentara seterusnya mengedarkan Buku Perutusan
Titah Kebawah DYMM Sultan Terengganu Sempena
Perasmian Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan
Negeri Keempat Belas kepada semua Yang Berhormat Ahli Dewan
Undangan Negeri Terengganu]*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Semuanya telah selesai diedarkan? Terima kasih, Bentara. Sila teruskan Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

وَبَرَكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةُ عَلَيْهِ السَّلَامُ
إِلَيْهِ وَعَلَى وَالْمُرْسَلِينَ نُبِيَاءِ إِلَّا أَشْرَفَ عَلَى وَالسَّلَامُ وَالصَّلَاةُ الْعَالَمِينَ رَبِّ اللَّهُ الْحَمْدُ
أَجْمَعِينَ وَصَحْبِهِ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian.

Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik dan InayahNya Dewan Undangan Negeri kita dapat bersidang lagi pada kali ini.

Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas ini penting, walaupun Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah tidak berangkat tetapi Baginda mengambil perhatian serius dan telah menghantar Perutusan Titah Bertulis yang baru diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita menjunjung kasih kepada Tuanku Al-Sultan dan yakin Perutusan dari Tuanku ini sarat dengan pelbagai perkara penting untuk perhatian dan tindakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi membangunkan negeri kita yang sama-sama kita cintai.

Mengambil kira isu keselamatan ataupun khususnya isu kesihatan akibat penularan wabak COVID 19 sebagaimana pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan arahan Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri serta arahan Setiausaha Kerajaan Negeri, persidangan kita pada kali ini terpaksa diubahsuai tanpa keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan dipendekkan persidangan dari empat hari kepada separuh hari sahaja. Pentadbiran Dewan Undangan Negeri juga memutuskan untuk tidak menjemput Ketua-ketua Jabatan, Negeri dan Persekutuan dan tidak mengizinkan pemerhati turut hadir dalam Persidangan pada kali ini bagi mengurangkan jumlah kehadiran. Persidangan ini juga adalah persidangan tertutup tanpa liputan daripada pihak media.

Kita mesti sedar bahawa wabak COVID-19 ini adalah isu yang sangat serius, yang melibatkan nyawa dan tindakan yang dibuat perlu mengambil kira kesannya dalam semua aspek jika berlaku senario kes yang terburuk. Sebagaimana keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan telah mula dilaksanakan di mana sekolah, pusat pengajian tinggi, premis perniagaan tertentu, pejabat-pejabat yang tidak dikategorikan perkhidmatan kritikal telah diarahkan ditutup untuk mengurangkan risiko jangkitan meluas wabak ini. Saya yakin Kerajaan Negeri sudah tentu akan mengambil langkah-langkah mengurangkan beban rakyat dan pada masa yang sama perlu bersedia dari segi kemungkinan kesan kepada kemerosotan ekonomi terutama akibat kejatuhan harga minyak dan kesan ke atas sektor yang lain seperti pelancongan sekiranya isu ini berpanjangan.

Persidangan ini sewajarnya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada semua petugas '*front liner*' dari Jabatan Kesihatan, pihak keselamatan dan juga semua pihak yang terlibat kerana bertungkus lumus siang dan malam berusaha membendung penularan COVID-19 ini. Marilah kita sama-sama bermuhasabah diri, banyakkkan beristighfar dan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala Pencipta kita, semoga dilepaskan kita dari menanggung kesan wabak yang dahsyat ini.

Berdasarkan notis awal yang dikeluarkan oleh Pentadbiran Dewan Undangan Negeri, Persidangan kita pada kali ini agak ringkas disebabkan tiada Rang Undang-Undang lain yang dikemukakan dan hanya tertumpu kepada Soalan-Soalan (Bertulis dan Lisan) dan juga perbahasan Titah Ucapan DiRaja. Namun begitu, walaupun suara dari rakyat penting, saya terlebih dahulu memohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat sekalian kerana tidak dapat meraikan

Soalan-soalan Lisan dan mereka yang berhasrat untuk berucap kerana Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini terpaksa dipendekkan atas sebab-sebab yang kita sedia maklum. Walau bagaimanapun Soalan-soalan sama ada Bertulis atau Lisan dan perbahasan atas Perutusan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang.

Kita juga bersyukur kepada Allah, kemelut politik di peringkat Kerajaan Persekutuan akhirnya dapat diselesaikan mengikut undang-undang dan perlembagaan negara dan urusan kerajaan telah kembali seperti sediakala. Barangkali tidak terlalu lewat untuk kita sebagai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan juga barisan kabinetnya. Saya yakin semua pihak sekarang ini memberi fokus dan keutamaan untuk berganding bahu membina kesejahteraan rakyat dalam suasana cabaran yang sedang dihadapi.

Pada Sidang kali ini dibentangkan juga Laporan Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan berkenaan Kajian Pemantapan Dewan Undangan Negeri. Laporan ini dikemukakan bagi tujuan untuk jangka panjang yang mengandungi cadangan-cadangan pembaharuan untuk meningkatkan peranan badan legislatif dengan lebih berkesan. Antaranya cadangan memantapkan Peraturan dan Perintah Tetap Dewan (Standing Orders) supaya mengambil kira keperluan semasa. Begitu juga cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa terpilih yang lain termasuk Jawatankuasa Terpilih Kesejahteraan Rakyat sekiranya ada isu-isu yang kritikal dan mendesak pada masa yang akan datang. Jawatankuasa terpilih seumpama ini adalah bertujuan bagi membantu mengukuhkan sistem penyampaian Kerajaan bagi memberi khidmat terbaik kepada rakyat dan sebahagian dari laporan jawatankuasa ini sebenarnya telahpun dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keputusan untuk mengadakan Sidang pada kali ini sebenarnya adalah satu keputusan yang sukar dibuat dan mengundang polemik dan komen dari masyarakat di tengah-tengah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat COVID-19. Tetapi percayalah kita tidak mempunyai pilihan kerana kedudukan Dewan Undangan Negeri kita adalah kritikal sebagaimana keharusan setengah-setengah perkhidmatan Kerajaan yang dianggap kritikal dan perlu diteruskan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telahpun mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan pada masa yang sama kita merujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri. Fasal 44 (1) Undang-Undang Tubuh Negeri kita ataupun Undang-Undang Diri

Bagi Kerajaan Negeri Terengganu dan perkara 6 (2) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri kita mungkin berbeza dengan negeri yang lain yang mewajibkan Persidangan perlu dibuat tidak melampaui tempoh 6 bulan di antara Persidangan Dewan Undangan Negeri terakhir dengan persidangan pada penggal atau tahun baru. Dari segi masalahnya, dalam suasana ancaman COVID-19 yang tidak menentu ini tindakan proaktif untuk meneruskan persidangan perlu juga dibuat dengan segala langkah-langkah dan persiapan yang diarahkan untuk menjaga kepentingan rakyat yang memberi mandat kepada Kerajaan Negeri kita.

Akhirnya, saya mengucapkan selamat bersidang – siiru ‘ala barakatillah.

وابيلحي توفيق والهداية

وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya din dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Tahun 2018
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.1/2010)
2. Laporan Tahunan Tahun 2018
Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.
(D.U.N. Bil.2/2020)
3. Laporan Tahunan Dan Kewangan Tahun 2018
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.
(D.U.N. Bil.3/2020)
4. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2
Berkait Pengurusan Aktiviti Agensi Dan Pengurusan
Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.4/2020)

5. Laporan Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan Dewan Undangan Negeri Terengganu Berkait Kajian Pemantapan Dewan Undangan Negeri.

(D.U.N. Bil.5/2020)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pada kebiasaannya, Tertib Pekerjaan Dewan sebaik sahaja selesai Pembentangan Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan ialah sesi Soalan-soalan Bertulis dan Lisan namun oleh kerana situasi yang kita alami sekarang ini maka saya berhasrat untuk melangkau turutan Tertib ini. Walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah membawa Soalan-soalan Bertulis dan Lisan Yang Berhormat ke Persidangan yang akan datang.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, Wakil Bukit Tunggal untuk mengemukakan usul.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Perutusan Titah DiRaja mengenai dasar-dasar Kerajaan bersempena dengan Pembukaan Penggal Persidangan Ketiga Dewan Undangan Keempat Belas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada Pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar

Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan Negeri dan rakyat seluruhnya.”

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul Menjunjung Kasih Atas Perutusan Titah DiRaja telahpun mendapat sokongan. Namun oleh kerana penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat serta mematuhi akan Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia 2020 maka saya putuskan untuk menangguhkan Tertib Pekerjaan Sesi perbahasan ini bagi memberi ruang dan keselesaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk meneliti Perutusan Titah DiRaja dan membahaskannya di dalam Persidangan Dewan yang akan datang.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya tangguhkan Dewan ini menurut Perkara 7 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Bagi Negeri Terengganu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya juga sekali lagi memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di atas ketidakselesaan Persidangan kita pada kali ini baik dari segi masa, tiada sesi Soalan dan Perbahasan dan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terpaksa bertukar tempat duduk, semua ini adalah bagi mematuhi arahan-arahan yang dibuat. Sehingga kita berjumpa lagi di dalam Persidangan yang akan datang insya Allah saya tangguhkan Persidangan Dewan Undangan negeri ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Tasbih Kaffarah dan Suratul 'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.00 PAGI